BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 08/05/68 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiakan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 24 Ogos 2005

SIARAN AKHBAR

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua 2005

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan disokong oleh aktiviti sektor swasta…

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4.1% pada suku kedua 2005. Aktiviti sektor swasta terus menjadi pendorong utama pertumbuhan.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri meningkat 5.6%, disokong oleh perbelanjaan penggunaan swasta yang kukuh dan aktiviti pelaburan swasta yang terus meningkat. Kedudukan pendapatan dan guna tenaga yang stabil, dalam keadaan perolehan eksport dan tabungan yang tinggi serta keadaan pasaran kredit yang kompetitif, menyumbang kepada keyakinan pengguna dan perbelanjaan pengguna yang positif. Penunjuk perbelanjaan penggunaan seperti kredit yang dikeluarkan untuk tujuan penggunaan dan perniagaan berorientasikan pengguna serta import barangan penggunaan, menunjukkan asas permintaan yang teguh.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat 6.7%, disokong terutamanya oleh pelaburan swasta. Daya tahan perbelanjaan modal swasta terbukti melalui pertumbuhan yang mantap dalam import barangan modal untuk pengembangan modal dan peningkatan teknologi serta pengembangan pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan. Keyakinan perniagaan bertambah baik seperti yang ditunjukkan oleh hasil kaji selidik Keadaan Perniagaan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).

Walaupun perbelanjaan berkaitan petroleum meningkat, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan yang bertambah baik telah membendung defisit fiskal pada RM2.7 bilion atau 2.3% daripada KDNK pada suku kedua 2005.

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan terus menjadi pendorong utama pertumbuhan. Perbelanjaan pengguna yang kukuh, jumlah ketibaan pelancong yang meningkat dan aktiviti perniagaan yang bertambah baik menghasilkan pertumbuhan sektor perkhidmatan sebanyak 5.4%. Khususnya, subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; dan elektrik, gas dan air, terus mencatat pertumbuhan kukuh sejajar dengan pengembangan aktiviti sektor swasta. Nilai ditambah sektor perkilangan meningkat 3.2% pada suku tersebut. Pengeluaran elektronik dan barangan elektrik (E & E) meningkat, disokong terutamanya oleh permintaan luar negeri terhadap komputer dan keluaran berkaitan komputer. Prestasi sebahagian industri berasaskan sumber, iaitu industri keluaran kimia dan pemprosesan luar estet terus mengekalkan pertumbuhan pada kadar dua angka untuk menyokong

pengembangan industri berorientasikan eksport, yang lebih daripada mengimbangi penurunan dalam pengeluaran sebahagian industri berorientasikan pasaran dalam negeri.

Nilai ditambah sektor pertanian berkembang 3.2% disebabkan terutamanya oleh pengembangan yang kukuh dalam pengeluaran minyak sawit, manakala sektor perlombongan menguncup 1.6% disebabkan oleh kemerosotan dalam pengeluaran minyak mentah berikutan penutupan medan dan loji minyak untuk tujuan penyelenggaraan. Sektor pembinaan terus mencatat kemerosotan, tetapi pada kadar yang sederhana sebanyak 2%.

Pada suku kedua, inflasi meningkat kepada 3%, mencerminkan terutamanya pelarasan kos ekoran kenaikan harga input. Tekanan harga yang didorong oleh permintaan kekal sederhana. Sementara itu, keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik dengan bilangan kekosongan jawatan meningkat dengan nyata pada suku kedua. Kekukuhan pasaran pekerja juga disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang tinggi.

Kedudukan luaran Malaysia kekal kukuh dengan imbangan perdagangan mencatat lebihan yang besar sebanyak RM22.9 bilion. Eksport kasar mencatat pertumbuhan sebanyak 10.8%, disokong oleh pertumbuhan eksport mineral yang memberangsangkan (31.5%) serta diperkukuh oleh peningkatan dalam eksport barangan perkilangan (9.2%) dan komoditi pertanian (5.3%). Perolehan eksport yang lebih tinggi daripada minyak mentah disebabkan keseluruhannya oleh kenaikan harga manakala peningkatan perolehan daripada gas asli cecair (LNG) disebabkan oleh kesan positif harga dan jumlah eksport, hasil daripada permintaan yang lebih kukuh dari China Taipei dan Jepun. Dalam sektor perkilangan, eksport E & E meningkat 8.7% (S1 2005: 9.9%). Permintaan yang lebih kukuh terhadap keluaran berkaitan komputer, terutamanya dari Amerika Syarikat, menyokong pengembangan sektor E & E. Eksport keluaran berasaskan sumber terus kukuh dipacu terutamanya oleh eksport keluaran petroleum, perabot dan keluaran getah. Pertumbuhan eksport pertanian pula disokong oleh peningkatan dalam perolehan eksport kayu siap digergaji, kayu balak dan minyak isirong sawit. Perolehan eksport minyak sawit meningkat, didorong

oleh permintaan dari Kesatuan Eropah untuk pengeluaran biodiesel; dan pembelian yang lebih tinggi oleh Republik Rakyat China dan India.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan portfolio meningkat pada suku kedua. Aliran masuk kasar FDI meningkat kepada RM8.7 bilion dan ini disalurkan terutamanya kepada sektor minyak dan gas serta sektor perkhidmatan. Syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya daripada sektor perkhidmatan, sektor minyak dan gas dan sektor perkilangan terus melabur di luar negeri. Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi berjumlah RM4.5 bilion, mencerminkan terutamanya minat asing yang berterusan khususnya terhadap sekuriti hutang.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM285.8 bilion (USD75.2 bilion) pada 30 Jun 2005. Rizab antarabangsa meningkat kepada RM298.7 bilion atau bersamaan USD78.7 bilion pada 29 Julai 2005. Kira-kira dua pertiga daripada aliran masuk pada bulan Julai telah berlaku pada hari berikutnya selepas pengumuman perubahan dalam rejim kadar pertukaran kepada apungan terurus. Pada hari-hari berikutnya, aliran ini menjadi normal dengan aliran masuk dan aliran keluar mencerminkan urus niaga yang biasa. Secara keseluruhan, proses penemuan harga adalah teratur. Urus niaga sepanjang tempoh ini terutamanya adalah untuk perdagangan antarabangsa, pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio. Rizab antarabangsa berjumlah RM305.2 bilion atau USD80.4 bilion pada 15 Ogos 2005. Dalam tempoh ini, terdapat satu pengambilan pinjaman luar negeri yang besar. Paras rizab ini adalah memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

Dasar monetari terus memberi fokus dalam menyokong pertumbuhan ekonomi pada suku kedua. Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal tidak berubah pada paras 2.70%. Sementara itu, purata wajaran harian kadar

antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.67-2.73%, dengan purata 2.70% pada suku kedua.

Pembiayaan oleh sektor swasta kekal memberangsangkan pada suku kedua. Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada kadar tahunan 8.7% pada suku tersebut, mencerminkan pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan yang lebih tinggi dan jumlah terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang lebih besar. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% pada akhir suku kedua 2005.

Aktiviti pemberian pinjaman bank kekal berdaya tahan, dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.4% pada akhir suku kedua 2005. Mengikut sektor, pertumbuhan pinjaman kepada sektor isi rumah terus menjadi asas pertumbuhan dalam jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan. Pengeluaran pinjaman untuk perbelanjaan kad kredit dan pembelian kereta penumpang mendorong pengembangan dalam pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah.

Pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan kekal berdaya tahan. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan mencatat peningkatan untuk suku ketiga berturut-turut dan meningkat pada kadar tahunan 1.5% pada akhir suku kedua 2005. Dalam sektor perniagaan, pemberian pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan pinjaman sektor perniagaan, dengan pinjaman terkumpul sektor PKS mengembang pada kadar tahunan 9% pada akhir suku kedua 2005. Bilangan akaun PKS yang menerima kelulusan pinjaman juga lebih tinggi (21,421) pada suku tersebut.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh daripada pasaran PDS adalah lebih tinggi berjumlah RM7.8 bilion pada suku kedua, disokong oleh kadar hasil yang rendah dalam pasaran bon. Sejumlah besar daripada dana yang diperoleh pada suku kedua adalah untuk aktiviti baru (52.8% daripada jumlah terbitan baru) dan pembiayaan semula hutang yang sedia ada (35.4%).

Agregat monetari mempamerkan peningkatan yang secara relatif stabil pada suku kedua. Wang secara kecil atau M1, dan wang secara luas atau M3, masing-masing meningkat pada kadar tahunan 11% dan 12.8% pada akhir suku kedua 2005, mencerminkan pengembangan dalam pembiayaan aktiviti sektor swasta yang berterusan, serta pengembangan aset asing bersih.

Pada 21 Julai 2005, tambatan ringgit kepada dolar Amerika Syarikat (AS) dimansuhkan dan apungan terurus diperkenalkan, dengan nilai ringgit akan ditentukan oleh asas-asas ekonomi. Bank Negara Malaysia memantau kadar pertukaran mata wang ringgit berbanding dengan sekumpulan mata wang. Memandangkan nilai ringgit telah menjadi kukuh sejak awal tahun 2005, sebahagian besar ketidakjajaran ringgit daripada nilainya yang berpatutan yang berpunca daripada penyusutan nilai dolar AS pada tahun 2004, semakin berkurangan. Oleh itu, semasa tambatan ringgit ditamatkan, nilai ringgit berada hampir pada tahapnya yang berpatutan. Berikutan itu, kadar pertukaran ringgit tidak berubah dengan ketara ekoran peralihan kepada rejim baru ini. Penggalakan kestabilan kadar pertukaran mata wang akan terus menjadi objektif dasar yang utama.

Sistem perbankan terus bertambah kukuh

Sistem perbankan menunjukkan daya tahan yang lebih kukuh dengan penunjuk kewangan utama kekal teguh. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) sistem perbankan kekal kukuh pada kadar 13.3% pada akhir suku kedua 2005 (S1 2005: 13.8%). Berkuat kuasa 1 April 2005, pengiraan aset wajaran risiko yang lebih ketat telah diguna pakai dengan memasukkan risiko pasaran ke dalam rangka kecukupan modal. Kualiti aset terus bertambah baik dengan pinjaman tidak berbayar mencapai tahap terendah semenjak krisis Asia. Pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan, terus menurun kepada 5.1% daripada jumlah pinjaman pada akhir bulan Jun 2005 (klasifikasi 3 bulan: 6.9%) daripada 5.4% pada akhir bulan Mac. Kualiti aset yang bertambah baik ini disebabkan terutamanya oleh berkurangnya jumlah pinjaman baru yang diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar, di samping penghapuskiraan pinjaman yang berterusan dan pengelasan semula NPL kepada akaun berbayar yang lebih tinggi.

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat 10.9% kepada RM3.1 bilion, disebabkan oleh pendapatan pelaburan dan pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi.

Prospek jangka masa terdekat kekal menggalakkan

Prospek ekonomi Malaysia bagi separuh kedua 2005 kekal menggalakkan. Permintaan global dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini berikutan kemunculan penunjuk yang menggalakkan dari AS, Jepun dan kawasan euro, yang diperkukuh lagi oleh jangkaan sektor elektronik global yang bertambah baik pada bahagian akhir tahun ini. Di AS, perbelanjaan penggunaan dijangka kekal teguh disokong oleh pasaran perumahan yang memberangsangkan. Bagi keluaran separa konduktor, pakar-pakar industri meningkatkan unjuran pertumbuhan bagi tahun 2005 keseluruhannya. Keadaan luaran yang menggalakkan dijangka menyokong pengembangan permintaan dalam negeri. Kadar pertumbuhan enam bulan yang diselaraskan bagi Indeks Pelopor (Leading Index) juga menunjukkan pengembangan ekonomi yang berterusan. Ini turut disokong oleh Indeks Keadaan Perniagaan dan Indeks Sentimen Pengguna MIER yang menunjukkan pengembangan aktiviti sektor swasta pada jangka masa terdekat.

Dalam persekitaran inflasi yang telah meningkat, tahap akomodasi monetari akan diseimbangkan bagi memastikan pertumbuhan mapan yang maksimum dapat dicapai dalam suasana harga yang stabil. Memandangkan ketidakpastian mengenai prospek inflasi dan ekonomi, terutamanya yang berkaitan dengan kesan harga minyak yang tinggi, imbangan risiko-risiko ini akan dipantau dengan teliti dalam menentukan hala tuju dasar monetari pada masa hadapan.

Bank Negara Malaysia
24 Ogos 2005